

21 APR 1996

Mohamed - UMNO

SEBANYAK 60 BAHAGIAN UMNO KEMUKAKAN CADANGAN PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO

JOHOR BAHRU, 21 April (Bernama) -- Sebanyak 60 Bahagian UMNO telah mengemukakan pelbagai cadangan mahu perlembagaan parti dipinda, termasuk berhubung pemberian 10 undi bonus kepada presiden dan timbalan presiden parti.

Cadangan-cadangan itu akan dikaji jawatankuasa sementara yang dibentuk Majlis Tertinggi (MT) bagi mengkaji semula perlembagaan parti, kata Setiausaha Agung UMNO Datuk Mohamed Rahmat hari ini.

Katanya jawatankuasa sementara itu, yang dipengerusikan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengemukakan cadangannya kepada MT sebelum keputusan muktamad dibuat.

Mohamed, yang juga Menteri Penerangan, berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan majlis ceramah dan dialog "Peranan ibu bapa membantu pembelajaran anak-anak di rumah" anjuran Biro Pendidikan UMNO Bahagian Pulau di sini.

Katanya tarikh mesyuarat jawatankuasa sementara itu akan ditetapkan kerana tempoh masa yang diberikan kepada jawatankuasa berkenaan hampir tamat.

"Jawatankuasa sementara itu diberi tempoh enam bulan untuk menyelesaikan kajian cadangan itu dan kali terakhir mengadakan mesyuarat ialah pada Disember lepas dan kini tempoh yang diberikan sudah hampir tamat," katanya.

Mohamed berkata pindaan terhadap perlembagaan UMNO perlu bagi menangani masalah dalaman parti.

"Masalah parti kini bukannya datang dari luar tetapi dari dalam parti. Oleh itu, kita beranggapan masalah dalaman seperti politik wang dan salahguna kuasa jika tidak diselesaikan segera boleh menjejaskan parti pada masa akan datang.

"Yang penting sekarang walaupun ada peraturan, anggota parti kalau tidak menunjukkan taat setia kepada parti, ini tidak ada erti," kata beliau.

Mohamed juga berkata Kementerian Penerangan sedang menjalankan kajian mengenai jualan produk kesihatan secara terus menerusi pengiklanan media elektronik untuk memastikan para pengguna mendapat perlindungan. -- Bernama.

BH AHH